

KURSUS ANALISIS PENYATA KEWANGAN DAN PENILAIAN RISIKO

22 - 23 MAC 2022

8:30 PG - 4:30 PTC

Dewan Saffron, Menara MITI

ANJURAN

Bahagian Akaun, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

ANALISIS PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO SEKTOR AWAM MALAYSIA

Penceramah: Dr. Wan Sallha Yusoff

wansallha@unimap.edu.my

016441 4867



ANALISA

VISI
MENYEDIKAN MAKLUMAT
KEWANGAN YANG TEPAT
KEPADA KEMENTERIAN




OBJEKTIF KURSUS

- I. MEMAHAMI PENYATA KEWANGAN AWAM DAN SWASTA
- II. MEMAHAMI KAEDAH MENGANALISA PENYATA KEWANGAN
- III. MEMAHAMI KAEDAH PENILAIAN RISIKO BERKAITAN PENYATA KEWANGAN
- IV. MENGHASILKAN SATU LAPORAN ANALISIS PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO

MISI

MAHIR DALAM ANALISIS
MAKLUMAT KEWANGAN
DAN BUKAN KEWANGAN



APAKAH MATLAMAT KUMPULAN ANDA? 15 MIN:

TENTATIF KURSUS

Hari pertama

Sesi 1 Pengenalan & Analisis Trend

Sesi 2 Analisis varian

Sesi 3 Analisis nisbah

Hari kedua

Sesi 4 Analisis data kualitatif penyata kewangan

Sesi 5 Analisis penilaian risiko

Sesi 6 Membuat rumusan keseluruhan dan penyediaan laporan

* Serahan tugas.

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN SEKTOR AWAM

Penyata kewangan kerajaan adalah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

MPSAS adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 1, *Pembentangan Penyata Kewangan daripada Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada April 2011 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

<https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/MPSAS.aspx>

MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan

Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain
Perusahaan Perniagaan Kerajaan
(Government Business Enterprise, GBE).



PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN SEKTOR SWASTA

Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) diisu oleh Malaysian Accountant Standards Board (MASB) dan setara dengan IFRS Foundation

MFRS 101 adalah setara dengan IAS 1 Presentation of Financial Statements yang diisu dan dikemaskini oleh IASB

https://www.masb.org.my/pdf.php?pdf=BV2018_MFRS%20101.pdf&file_path=pdf_file

KOMPONEN UTAMA PENYATA KEWANGAN

Sektor awam

- ☐ Penyata Kedudukan Kewangan
- ☐ Penyata Prestasi Kewangan
- ☐ Penyata Aliran Tunai
- ☐ Penyata Akaun Memorandum / Penyata perubahan aset bersih/ekuiti
- ☐ Penyata Prestasi Belanjawan
- ☐ Nota Kepada Penyata Kewangan

Sektor swasta

- ☐ Penyata Kedudukan Kewangan
- ☐ Penyata untung atau rugi dan Pendapatan komprehensif lain
- ☐ Penyata Aliran Tunai
- ☐ Penyata perubahan Ekuiti
- ☐ Nota Kepada Penyata Kewangan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN



Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan **pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan**.



Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.



Penyata ini memberi gambaran komprehensif tentang keteguhan kewangan awam (Public Wealth) dengan menunjukkan milikan dan pinjaman Kementerian.



Ia boleh digunakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan kewangan Kementerian dalam jangka pendek dan jangka panjang.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebih atau kurang hasil keseluruhan, berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

Membantu pemegang taruh memahami:



Sejauh mana Kementerian telah memperoleh sumber secara ekonomik, serta menggunakannya dengan cekap dan berkesan untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatan;



Kos penyampaian perkhidmatan dan jumlah pendapatan yang dijana oleh Kementerian dalam tempoh pelaporan; dan



Sama ada kos operasi di peringkat Kerajaan Persekutuan dibiayai oleh hasil atau pinjaman.

PENYATA ALIRAN TUNAI



Penyata Aliran Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai.



Penyata ini mengelaskan aliran tunai mengikut **tiga (3) aktiviti utama iaitu operasi, pelaburan dan pembiayaan.**



Aliran tunai masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah.



Aliran tunai keluar pula menunjukkan pembiayaan perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri, pinjaman luar negeri dan bantuan luar negeri, perbelanjaan modal serta perbelanjaan amanah.



Penyata ini boleh digunakan sebagai asas kepada penganalisis dan pemegang taruh untuk **menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan dalam menjana tunai dan kesetaraan tunai**, serta keperluan untuk menggunakan aliran tunai tersebut.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan.

Aset
kewangan
Kerajaan

Terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan.

Liabiliti

Terdiri daripada Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

PENYATA PRESTASI BELANJAWAN

Membantu penganalisis dan pemegang taruh:

Penyata ini menunjukkan perbandingan antara amaun peruntukan yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian dengan amaun perbelanjaan sebenar.

Disediakan sama ada sebagai satu penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan.

Mengetahui sama ada sumber yang diperuntukkan digunakan sebagaimana yang ditetapkan

Mengenal pasti punca perbezaan yang matan di antara amaun peruntukan dengan amaun sebenar

Mengenal pasti sebarang penambahbaikan terhadap pengurusan belanjawan dan kawalan perbelanjaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota, yang mengandungi ringkasan dasar perakaunan yang signifikasi dan nota penjelasan lain.

Keterangan berbentuk naratif dan pecahan kepada pengagregatan item yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Aliran Tunai, serta maklumat tentang item yang tidak layak diiktiraf dalam muka penyata tersebut.

Membantu penganalisis dan pemegang taruh:

Memahami item atau peristiwa matan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan dengan lebih jelas

Membuat perbandingan maklumat penyata kewangan di antara tempoh yang berbeza

Menilai tahap risiko bagi perancangan strategik.

DATA BUKAN KEWANGAN


Visi, misi dan objektif

Keberhasilan dan output utama

Struktur tadbir urus

Operasi dan aktiviti utama

Trend luaran yang memberi kesan secara langsung kepada penyata kewangan dipengaruhi oleh perkembangan semasa dan persekitaran.



Hubungan dengan organisasi lain seperti badan berkanun atau organisasi di negara lain yang boleh memberi kesan ketara kepada kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai kementerian

Pelan pengurusan risiko kementerian atau maklumat berkaitan risiko seperti data kekerapan berlakunya risiko

Data lain yang bersesuaian



KAEDAH PELAKSANAAN ANALISIS KEWANGAN & PENGURUSAN RISIKO

KAEDAH PELAKSANAAN ANALISIS KEWANGAN & PENGURUSAN RISIKO



Adaptasi daripada CFA Institute, Financial Statement Analysis Framework (Robinson et. al., 2009)

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

LANGKAH PERTAMA: MENETAPKAN TUJUAN DAN SKOP ANALISIS

1

Menetapkan dan memahami **tujuan analisis**

- Siapa pemegang taruh yang berkait secara langsung dengan operasi Kementerian
- keperluan pemegang taruh tersebut
- memahami persekitaran Kementerian secara keseluruhan.

2

Menentukan **skop analisis**

perlu dibuat sama ada berdasarkan item hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti atau aliran tunai bagi item-item tersebut yang diperolehi daripada penyata kewangan bagi tempoh yang telah ditetapkan.

3

Menentukan **sumber data**

Penelitian ke atas item yang dianalisis perlu berdasarkan klasifikasinya yang dilapor secara terperinci di dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

CONTOH PENETAPAN TUJUAN DAN SKOP ANALISIS


Contoh 1:

Analisis ini dibuat bagi mengenal pasti **kecekapan Kementerian ABC** dalam **menguruskan aset bukan semasa** yang **merangkumi hartanah, loji dan peralatan**. Untuk tujuan tersebut, **item penyata kewangan yang dianalisis adalah kos penyelenggaraan aset bagi tahun 2018, 2019 dan 2020** yang boleh diperolehi daripada Nota Kepada Penyata Kewangan di bawah item Perkhidmatan dan Bekalan.

Contoh 2:

Analisis dibuat bagi mengenal pasti **keupayaan Kementerian BCD** membuat kutipan hutang daripada penghutang berdasarkan maklumat kewangan di dalam **Penyata Prestasi Kewangan** bagi tahun 2019 dan 2020. yang boleh diperolehi daripada Nota Kepada Penyata Kewangan di bawah item kutipan hutang.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)



20 MIN: MENETAPKAN TUJUAN DAN SKOP ANALISIS

LANGKAH KEDUA: MENENTUKAN KAEDAH ANALISIS

Kementerian perlu membuat pertimbangan sewajarnya dalam menentukan kaedah analisis yang bersesuaian.

Ini bagi memastikan agar analisis yang dibuat adalah relevan dan berkemampuan untuk mempengaruhi pembuatan keputusan.

Jenis-jenis kaedah analisis yang boleh digunapakai:

- I. Analisis trend,
- II. analisis nisbah,
- III. analisis varian dan
- IV. analisis data kualitatif penyata kewangan.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

LANGKAH KETIGA: MENGUMPUL DATA

Kementerian perlu memilih dan mengumpul data yang bersesuaian bagi setiap kaedah yang hendak digunakan.

Pengumpulan data perlu meliputi data kewangan dan bukan kewangan.

Ia boleh diperolehi daripada pelbagai sumber sama ada secara dalaman atau luaran Kementerian melalui kaedah berikut:

- Penelitian ke atas penyata kewangan, data industri atau ekonomi dan dokumen lain yang berkaitan;
- Soal selidik
- Perbincangan dengan pihak pengurusan, pembekal, pelanggan dan pihak lain yang berkaitan; atau
- Lawatan tapak ke lokasi atau fasiliti yang terpilih.

Data yang dikumpul hendaklah komprehensif dan menyeluruh kerana ia penting bagi menggambarkan fungsi, operasi dan ciri-ciri (nature of business) Kementerian serta hubung kait dengan persekitaran yang mempengaruhinya sama ada di dalam atau di luar negara.

LANGKAH KEEMPAT: MENGANALISIS DATA

Berdasarkan kaedah analisis yang telah ditentukan dan data yang terkumpul, Kementerian perlu melaksanakan proses analisis ke atas item terpilih. Analisis yang dilaksanakan hendaklah:

- Mengikut pecahan Dana Am dan Dana Amanah;
- Mengikut pecahan Jabatan atau PTJ di bawahnya; dan
- Konsisten dengan maklumat serta asas pengiktirafan dan pengukuran yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Ini bagi memudahkan penganalisis dan pemegang taruh memahami transaksi mengikut fungsi dana dan mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab menguruskan item atau peristiwa matan serta punca ia berlaku.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

PROSES ANALISIS DATA

Pemprosesan Data

- data kuantitatif – melibatkan data kewangan
- data kualitatif – melibatkan penelitian ke atas maklumat yang didedahkan di dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dan dokumen lain yang berkaitan

Perbandingan dan Interpretasi Data

- Kementerian perlu mengambil kira aspek kebolehbandingan (comparability) dalam melaksanakan proses perbandingan.
- perbandingan data semasa dengan tempoh terdahulu, perbandingan amaun sebenar dengan unjuran dan perbandingan Kementerian dengan Kementerian lain yang melaksanakan aktiviti atau sektor yang sama.

Pengenalpastian Punca

- Kenal pasti punca dan implikasi item atau peristiwa yang dianalisis dengan melaksanakan analisis persekitaran mikro dan makro.

KOMPONEN UTAMA ANALISIS PERSEKITARAN



Sumber: Waldt dan Du Toit (2007, m/s 87) diadaptasi daripada Kroon (1995, m/s 56)

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

CONTOH PERSEKITARAN MIKRO DAN MAKRO

Persekitaran Makro:

Peningkatan kadar pertukaran wang asing yang berlaku pada 2017 menyebabkan peningkatan kos perolehan barangan import oleh Kementerian.


Persekitaran Mikro:

Tempoh bayaran kepada pembekal dan polisi berkaitan penjimatan perbelanjaan yang ditetapkan oleh Kementerian serta budaya kerja Kementerian telah menyebabkan kelewatan bayaran kepada pembekal.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)



REHAT PAGI



ANALISIS TREND

ANALISIS TREND

Analisis trend melibatkan pengumpulan data suatu item yang sama bagi beberapa tempoh masa seperti tiga (3) atau lima (5) tahun untuk mengenal pasti trend peningkatan atau penurunan item khusus yang dianalisis berdasarkan tujuan tertentu.

Analisis trend boleh dibuat mengikut pecahan kategori atau kelas item, item yang matan atau mengaitkan item dengan petunjuk ekonomi.

Penganalisis juga boleh menggunakan data analisis nisbah dalam membuat analisis trend untuk meneliti trend nisbah tersebut bagi sesuatu tempoh yang telah ditetapkan.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

Memperolehi maklumat asas berkaitan sejarah prestasi sesuatu item Penyata Kewangan dan perubahannya sama ada berlaku peningkatan atau penurunan dalam tempoh masa tertentu

Penunjuk (indicator) bagi mengenal pasti punca perubahan matan yang memberi kesan kepada pencapaian objektif jangka panjang Kementerian

Maklumat bagi menilai keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan kewangan Kementerian.



Maklumat yang berguna bagi meningkatkan hasil dan mengawal perbelanjaan serta merancang pengurusan aliran tunai

Maklumat yang berguna dalam membuat unjuran, perancangan belanjawan dan penyusunan semula sumber (aset, manusia dan kewangan) bagi melaksanakan program pada masa hadapan atau perubahan sesuatu dasar

Maklumat yang berguna dalam merancang alternatif sumber pembiayaan Kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan terhadap satu-satu jenis sumber pembiayaan sahaja

KEGUNAAN ANALISIS TREND

JENIS-JENIS ANALISIS TREND

1. Perbezaan geografi

Untuk menganalisis arah aliran dalam atau merentas kumpulan pengguna yang ditentukan oleh lokasi geografi mereka.

2. Perbezaan tempoh

Untuk menganalisis arah aliran dalam atau merentas kumpulan pengguna yang ditakrifkan mengikut tempoh masa tertentu atau perubahan dari semasa ke semasa.

3. Intuitif – gerak hati

Untuk menganalisis arah aliran dalam atau merentas kumpulan pengguna berdasarkan beberapa penjelasan logik, corak tingkah laku atau elemen lain yang dilihat oleh seorang penganalisa.

CONTOH ANALISIS TREND

Pemrosesan Data

- Memilih data yang bersesuaian untuk diplot bagi sesuatu tempoh. Boleh menggunakan kaedah pengukuran berdasarkan amaun atau peratusan bagi data item tersebut.

- Plotkan data bagi setiap tempoh yang telah ditetapkan untuk membentuk satu garis trend (trend line).

- Garis trend yang terbentuk menunjukkan pergerakan item tersebut sama ada ia turun, naik atau tidak berubah berbanding tempoh sebelumnya.

	Tahun		
	2018	2019	2020
Kos penyelenggaraan aset (RM)	7,090,383,702	7,075,640,902	7,769,322,982
% Perubahan		-0.20%	9.80%



Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

ANALISIS TREND BAGI ITEM PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Item	Jenis Analisis Trend	Contoh
1. Hasil	a) Trend Kategori Hasil	Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai atau Terimaan Bukan Hasil.
	b) Trend Kategori Hasil ke atas petunjuk ekonomi utama	Hasil cukai yang mempunyai hubungan dengan KDNK (<i>Gross Domestic Product</i> - GDP).
2. Perbelanjaan	a) Trend Kategori Perbelanjaan	- Gaji, upahan dan manfaat pekerja - Perkhidmatan dan bekalan - Aset tidak dipermodalkan
	b) Trend Item Matan	- Kos kewangan (faedah) - Perbelanjaan penyenggaraan jalan raya

Item	Jenis Analisis Trend	Contoh
3. Aset	a) Trend Kelas Aset	Trend bagi kos penyelenggaraan yang ditanggung, nilai buku bersih dan purata usia guna sesuatu kelas aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) (tanah, bangunan dan kenderaan).
	b) Trend Kategori Aset	Item penghutang yang meliputi ABT Pinjaman dan Pendahuluan, ABT Wang Pendahuluan Kontraktor, ABT Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai ABT.
	c) Trend Nisbah	- Nisbah Aset Berbanding Ekuiti - Nisbah Pusing Ganti Penghutang.
	d) Trend Item Matan	- Penghutang - Pelaburan

4. Liabiliti	a) Trend Item Matan	Baki Hutang Kerajaan
	b) Trend Kategori Hutang	Kategori pembiayaan seperti sekuriti Kerajaan dan pinjaman daripada Institusi Kewangan Dalam Negara.
	c) Trend Kategori Hutang ke atas petunjuk ekonomi utama	Baki Hutang Kerajaan ke atas KDNK
5. Ekuiti	a) Trend Dana Berkumpul	Trend Lebihan atau Kurangan Tahun Semasa atau Berkumpul.

Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

ANALISIS TREND BAGI ITEM PENYATA ALIRAN TUNAI

a. Aktiviti Operasi

- (1) Terimaan dari hasil cukai, deposit atau amanah.
- (2) Bayaran gaji, upahan dan manfaat pekerja.
- (3) Baki bersih aliran tunai daripada aktiviti operasi.

b. Aktiviti Pelaburan

- (1) Pembelian HLP.
- (2) Faedah dan perolehan dari pelaburan, atau hasil dari penjualan HLP.
- (3) Baki bersih aliran tunai daripada aktiviti pelaburan.

c. Aktiviti Pembiayaan

- (1) Terimaan daripada pinjaman.
- (2) Penebusan bon Kerajaan.
- (3) Baki bersih aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan.

ANALISIS TREND - PROSES ANALISIS DATA

Membuat Perbandingan dan Interpretasi Data

Membuat perbandingan di antara amaun atau peratusan yang diplot berdasarkan garis trend yang diperolehi.

- Memberi perhatian kepada trend yang menunjukkan pergerakan yang ketara atau tidak konsisten berbanding jangkaan/ unjuran.
- Membuat interpretasi terhadap trend ketara yang telah dikenalpasti. Contohnya, menginterpretasi trend pergerakan penghutang untuk menilai prestasi pengurusan penghutang.

Mengenal pasti Punca

Mengenal pasti punca perubahan ketara pada garis trend bagi item atau peristiwa yang dianalisis berdasarkan perbandingan dan interpretasi data.

Mengenal pasti faktor luaran atau dalaman yang mempengaruhi punca tersebut serta hubung kaitnya dengan perubahan yang berlaku dalam membuat huraian untuk menjelaskan punca.


CONTOH ANALISIS TREND

Penerangan tidak lengkap untuk
analisis trend

PRESTASI KEWANGAN 2020

Bagi tahun 2020, pada keseluruhannya, universiti telah membelanjakan sebanyak RM349.28 juta iaitu penurunan sebanyak 9.99% (RM38.75 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2019 sebanyak RM388.03 juta. Hasil universiti bagi tahun 2020 ialah sebanyak RM406.14 juta iaitu meningkat sebanyak 2.28% (RM9.04 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2019 (RM397.10 juta).

Carta 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2016-2020



Perbelanjaan universiti telah dibiayai oleh pemberian dari kerajaan berjumlah RM309.37 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM205.87 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM94.03 juta, Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM8.28 juta dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM1.19 juta.

Carta 2: Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2020 dan 2019

CONTOH ANALISIS TREND

	Tahun		
	2018	2019	2020
Kos penyelenggaraan aset (RM)	7,090,383,702	7,075,640,902	7,769,322,982
% Perubahan		-0.20%	9.80%

Buat Perbandingan



Intepritasi data

Pada tahun 2019, kos penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli menunjukkan trend penurunan sebanyak 0.20% berbanding tahun 2018. Manakala pada tahun 2020, berlaku peningkatan kos penyelenggaraan dan pembaikan kecil sebanyak 9.80%.

Kenalpasti punca

Berdasarkan laporan teknikal yang telah diperolehi, peningkatan ini disebabkan oleh pembaikan ke atas aset yang telah usang bagi membolehkan ianya terus digunakan dalam penyampaian perkhidmatan. [Sehubungan itu, cadangan penggantian aset telah disyorkan kepada Pegawai Aset Kementerian.](#)

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

60 MIN
SEDIAKAN ANALYSIS TREND
BESERTA INTERPRETASI DATA
DAN KENALPASTI PUNCA




Nota: Dapatkan 5 item
terpenting dalam penyata
keuangan untuk dibuat
analisis tend



PEMBENTANGAN KUMPULAN ANALISIS TREND



REHAT TENGAH HARI



ANALISIS VARIAN

ANALISIS VARIAN

- Varian adalah perbezaan antara amaun unjuran dan pencapaian sebenar.
- Ia boleh dilaksanakan bagi item berikut:
 - a. Kategori hasil sebenar berbanding anggaran.
 - b. Item perbelanjaan sebenar berbanding anggaran.
- Pengiraan perbezaan amaun sebenar dan unjuran hendaklah dibandingkan dengan siling yang telah ditetapkan bagi mengenal pasti sama ada varian adalah memuaskan (favourable) atau tidak memuaskan (unfavourable).
- Berdasarkan maklumat varian yang telah dikenal pasti, perbezaan yang matan hendaklah dijelaskan bagi membantu Kementerian memahami punca mengapa amaun sebenar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Bagi melaksanakan analisis varian, penetapan siling dibuat berdasarkan polisi dan peraturan semasa. Contoh perbezaan melebihi 5% perlu dikenalpasti punca.
- Contoh: Perbezaan dalam amaun belanja disebabkan oleh usaha penjimatan dan penurunan hasil melalui pembatalan saman AES.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

KEGUNAAN ANALISIS VARIAN

Mengenal pasti punca varian dan tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan selaras dengan hala tuju Kementerian



Mengenal pasti perbezaan yang matan di antara pencapaian sebenar dengan sasaran

Menyediakan maklumat asas dalam membuat unjuran dan perancangan belanjawan akan datang.

JENIS-JENIS ANALISIS VARIAN

1. Perbandingan data semasa dengan tempoh terdahulu
2. Perbandingan amaun sebenar dengan unjuran
3. Perbandingan Kementerian dengan Kementerian lain yang melaksanakan aktiviti atau sektor yang sama

4 LANGKAH DALAM MEMBUAT PERBANDINGAN MENGGUNAKAN PENANDA ARAS

Langkah 01

Mengenal pasti skop penanda aras berdasarkan aktiviti dengan kapasiti yang sama sebagai perbandingan. Contohnya, kos rawatan pesakit luar di hospital kerajaan.

Langkah 03

Mengenal pasti jurang di antara data Kementerian dengan data organisasi lain yang dipilih sebagai penanda aras. Contohnya, membandingkan kos rawatan pesakit luar di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan dan Hospital Serdang.

Langkah 02

Mengenal pasti Kementerian/ organisasi yang bersesuaian untuk dijadikan penanda aras. Contohnya, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan memilih Hospital Serdang sebagai penanda aras bagi kos rawatan pesakit luar.

Langkah 04

Mengenal pasti punca dan mengesyorkan pelan tindakan.

CONTOH ANALISIS VARIAN

Penerangan tidak lengkap untuk analisis varian

4.0 BAJET

4.1 PERBELANJAAN MENGURUS

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM21,516,450.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM19,226,673.79** telah dibelanjakan dengan pencapaian 89.36% perbelanjaan.

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
• Peruntukan Yang Diluluskan	RM21,516,450.00	89.36
• Perbelanjaan	RM19,226,673.79	

4.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM75,000.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM69,300.00** telah dibelanjakan dengan pencapaian 92.40% perbelanjaan.

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
• Peruntukan Yang Diluluskan	RM75,000.00	92.40
• Perbelanjaan	RM69,300.00	

Sumber: Laporan Tahunan UMP 2020

CONTOH ANALISIS VARIAN

Buat Perbandingan

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 KERAJAAN PERSEKUTUAN (FGOM)					
		Sebenar 2020	Unjuran 2020	Varian	
	Nota	(RM)	(RM)	RM	%
HASIL					
Hasil Cukai		109,779,831,897	104,290,840,302	5,488,991,595	5.26%
Hasil Bukan Cukai		30,844,541,111	28,685,423,233	2,159,117,878	7.53%
Terimaan Bukan Hasil		36,608,662,352	39,537,355,340	(2,928,692,988)	-7.41%
Hasil Wilayah Persekutuan		1,588,720,004	1,668,156,004	(79,436,000)	-4.76%
JUMLAH HASIL	26	178,821,755,363	174,181,774,879	4,639,980,484	2.66%
PERBELANJAAN					
Gaji, Upahan Dan Manfaat Pekerja	27	70,283,600,613	75,765,721,461	(5,482,120,848)	-7.24%
Perkhidmatan Dan Bekalan	28	24,279,134,318	22,841,809,566	1,437,324,752	6.29%
Aset Tidak Dipermodalkan	29	4,149,100,098	3,662,410,657	486,689,442	13.29%
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	30	65,780,354,525	58,741,856,591	7,038,497,934	11.98%
Susut Nilai, Pelunasan Nilai Dan Penjejasan Nilai	31	13,547,323,970	12,612,558,616	934,765,354	7.41%
Pindahan	32	1,449,161,530	1,349,169,385	99,992,146	7.41%
Faedah Pinjaman		723,087,560	652,586,523	70,501,037	10.80%
Perbelanjaan Lain	33	12,169,262,681	10,514,242,956	1,655,019,725	15.74%
JUMLAH PERBELANJAAN		192,381,025,296	186,140,355,755	6,240,669,541	3.35%
LEBIHAN / KURANGAN SEBELUM PINDAHAN DANA DAN ASET DAN LAIN-LAIN TRANSAKSI		(13,559,269,933)	(11,958,580,877)	(1,600,689,057)	13.39%
PINDAHAN DANA ANTARA PERBENDAHARAAN					
- Pindahan Dana antara Perbendaharaan		-	-	-	-
LEBIHAN / KURANGAN SELEPAS PINDAHAN DANA & ASET DAN LAIN-LAIN TRANSAKSI		(13,559,269,933)	(11,958,580,877)	(1,600,689,057)	13.39%

ANALISIS DATA – BANDING, INTERPRETASI DATA & KENAL PASTI PUNCA

Intepritasi data

Kenalpasti punca

Hasil tahun semasa secara keseluruhan mengalami peningkatan yang tidak ketara. Ini disebabkan oleh peningkatan matan oleh Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai merekodkan kutipan yang tinggi berbanding anggaran sebanyak RM5.49 bilion ataupun 5.26%. Ini disebabkan oleh kecekapan penguatkuasaan kutipan cukai yang menyebabkan peningkatan kutipan hasil cukai. Ini kerana kebanyakan peniaga telah mengistiharkan dan mengemukakan pembayaran cukai kepada pihak kerajaan kerana keberkesanan kempen kesedaran dan pemberian diskaun ke atas semua jenis kompaun dan denda yang telah dilancarkan pada awal tahun ini.

Intepritasi data


Kenalpasti punca

Hasil Bukan Cukai pula merekodkan kutipan yang tinggi sebanyak RM2.2 bilion atau 7.5% berbanding anggaran disebabkan peningkatan harga minyak mentah dunia yang mendadak ketika anggaran dibuat, harga minyak mentah dunia adalah di paras USD45 setong dan pada tahun semasa harga minyak mentah dunia telah meningkat kepada USD65 setong.

Manakala Hasil Bukan Terimaan pula merekodkan kutipan yang lebih rendah berbanding anggaran sebanyak RM2.9 bilion atau 7.41%. Ini berikutan sumbangan dan pulangan balik daripada agensi-agensi kerajaan yang menurun.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

**60 MIN:
SEDIAKAN ANALYSIS VARIAN
BESERTA INTERPRETASI DATA DAN
KENALPASTI PUNCA**



PEMBENTANGAN KUMPULAN: ANALISIS VARIAN



TAMAT SESI KE3 HARI PERTAMA

ANALISIS NISBAH

Analisis nisbah adalah penilaian hubungan kuantitatif di antara dua (2) item yang dipilih daripada penyata kewangan.

Nisbah yang diperolehi bukanlah jawapan tetapi merupakan penunjuk kepada aspek tertentu pengurusan kewangan Kementerian.


Penelitian lanjut perlu dibuat untuk mengenal pasti dan menerangkan punca, maksud dan nilai nisbah tersebut.

KEGUNAAN ANALISIS NISBAH

Menilai kekuatan dan kelemahan kewangan Kementerian dari aspek tertentu seperti kemampuan bayar (solvency), kecairan (liquidity) dan keumpilan (leverage)

Mengenal pasti peningkatan dan penurunan penunjuk bagi menjangkakan kebolehpayaan Kementerian melalui perbandingan yang bersesuaian;

Menilai keupayaan Kementerian dalam menguruskan sumber yang diberikan.



JENIS-JENIS ANALISIS NISBAH

Terdapat lima (5) jenis nisbah yang boleh digunakan oleh Kementerian iaitu:

1. Nisbah aktiviti,
2. Nisbah kemampuan bayar (solvency),
3. Nisbah hutang,
4. Nisbah kecekapan dan
5. Nisbah kecairan (liquidity).

* rujuk jadual nisbah untuk formula pengiraan

CONTOH ANALISIS NISBAH

Buat Perbandingan


Intepritasi data

Kenalpasti punca

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, Kementerian membuat pengiraan Nisbah Pusing Ganti Penghutang bagi ketiga-tiga tahun berkenaan, membuat perbandingan dan mengenal pasti punca peningkatan seperti berikut:

Formula	Membuat Pengiraan
Hasil $\frac{[(\text{Jumlah Penghutang Awal} + \text{Jumlah Penghutang Akhir}) \div 2]}{}$	<u>2020</u> $\text{RM178,821,755,363} \div [(\text{RM158,331,413,540} + \text{RM153,424,765,760}) \div 2]$ = 1.15 kali <u>2019</u> $\text{RM179,776,785,895} \div [(\text{RM 153,424,765,760} + \text{RM168,767,242,336}) \div 2]$ = 1.12 kali <u>2018</u> $\text{RM180,081,744,308} \div [\text{RM168,767,242,336}]$ = 1.07 kali

Nisbah pusing ganti penghutang bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 2.6% berbanding tahun 2019 dan 7.4% berbanding tahun 2018. Peningkatan kutipan pada tahun 2020 disebabkan oleh pengenalan insentif-insentif oleh Kerajaan melalui pemberian diskaun bayaran balik pinjaman bagi tunggakan pinjaman melebihi 90 hari yang dijelaskan dalam tahun 2020.



60 MIN: SEDIAKAN ANALYSIS NISBAH BESERTA INTERPRETASI DATA DAN KENALPASTI PUNCA

Nota: Dapatkan 3 item terpenting dalam penyata kewangan untuk dibuat analisis nisbah

PEMBENTANGAN KUMPULAN: ANALISIS NISBAH

ANALISIS DATA KUALITATIF PENYATA KEWANGAN


Analisis data kualitatif penyata kewangan boleh dilaksanakan dengan meneliti maklumat lanjut yang tidak boleh diukur secara numerik mengenai item dan peristiwa yang didedahkan dalam Nota kepada Penyata Kewangan.

Selain itu, semakan lanjut ke atas dokumen lain yang berkaitan juga boleh dibuat bagi mengenal pasti punca berlakunya peristiwa tersebut dan implikasi kepada kedudukan dan prestasi kewangan Kementerian.

Analisis ini bertujuan:

membantu penganalisis membuat interpretasi secara lebih menyeluruh. Ia seterusnya dapat meningkatkan kegunaan maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan.

30 MIN:
SEDIAKAN ANALYSIS DATA
KUALITATIF PENYATA KEWANGAN
BESERTA RUMUSAN KEWANGAN



PEMBENTANGAN KUMPULAN ANALISIS DATA KUALITATIF PENYATA KEWANGAN





REHAT PAGI

LANGKAH KELIMA: MENILAI RISIKO DAN KETIDAKTENTUAN

Risiko adalah **kemungkinan berlakunya sesuatu peristiwa** yang memberi kesan kepada pencapaian objektif Kementerian di mana amaun dan keberangkaliannya boleh diukur secara pasti.

Ketidaktentuan pula adalah sesuatu peristiwa yang berkemungkinan memberi kesan kepada pencapaian objektif Kementerian di mana amaun atau **keberangkaliannya tidak boleh diukur secara pasti**.

Contoh, kemungkinan berlakunya peristiwa yang menyebabkan kehilangan, kerosakan, kecederaan dan kerugian.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENILAI RISIKO DAN KETIDAKTENTUAN



Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

MENGENAL PASTI RISIKO DAN KETIDAKTENTUAN

Data boleh diperolehi daripada:

- I. Proses analisis penyata kewangan,
- II. Pelan Pengurusan Risiko Kementerian
- III. dokumen lain berkaitan risiko.

Risiko dan ketidaktentuan yang dikenal pasti akan memberi kesan sama ada kepada strategi, manusia, operasi dan penyampaian perkhidmatan dan/atau reputasi yang seterusnya mempengaruhi kedudukan kewangan Kementerian.

KATEGORI IMPAK RISIKO DAN KETIDAKTENTUAN



MENGUKUR SKALA KEBARANGKALIAN RISIKO

Skala	Kebarangkalian	Keterangan	Contoh Kekerapan
5	Hampir Pasti	Peristiwa kerap berlaku	Sekali dalam sebulan
4	Kemungkinan Tinggi	Peristiwa kemungkinan besar berlaku	Sekali dalam (6) bulan
3	Ada Kemungkinan	Peristiwa mungkin berlaku	Sekali dalam setahun
2	Kemungkinan rendah	Peristiwa kemungkinan rendah berlaku	Sekali dalam tiga (3) tahun
1	Jarang	Peristiwa jarang berlaku	Sekali melebihi tiga (3) tahun

Skala Kebarangkalian Risiko

Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

INDEKS IMPAK RISIKO MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI IMPAK	SKALA				
	SANGAT RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI	SANGAT TINGGI
	1	2	3	4	5
Strategi	Kemajuan pelaksanaan perlahan bagi satu objektif strategik.	Kemajuan pelaksanaan perlahan bagi lebih daripada satu objektif strategik.	Kemajuan pelaksanaan terhenti bagi satu objektif strategik.	Kemajuan pelaksanaan terhenti bagi lebih daripada satu objektif strategik.	Kegagalan untuk mencapai keseluruhan objektif strategik dan visi.
Kewangan	Kerugian sehingga 10% dari nilai/pulangan projek/program Kementerian/Jabatan	Kerugian sehingga 20% dari nilai/pulangan projek/program Kementerian/Jabatan	Kerugian sehingga 30% dari nilai/pulangan projek/program Kementerian/Jabatan	Kerugian sehingga 40% dari nilai/pulangan projek/program Kementerian/Jabatan	Kerugian melebihi 50% dari nilai/pulangan projek/program Kementerian/Jabatan
Manusia	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di sebuah mukim	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di sebuah daerah	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di sebuah negeri	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di lebih dari sebuah negeri	Memberi kesan terhadap rakyat/ industri di seluruh negara
Operasi dan Penyampaian Perkhidmatan	Operasi dan perkhidmatan terganggu untuk tempoh <2 jam.	Operasi dan perkhidmatan terganggu untuk tempoh 2 – 3 jam.	Operasi dan perkhidmatan terganggu untuk tempoh 4 – 12 jam.	Operasi dan perkhidmatan terganggu untuk tempoh 13 – 24 jam.	Operasi dan perkhidmatan terganggu untuk tempoh melebihi 24 jam.
Reputasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati individu	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati kumpulan/ organisasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan kritikan media massa	Reputasi terjejas sehingga mendapat liputan media antarabangsa	Reputasi terjejas sehingga rakyat hilang keyakinan pada kerajaan

MEMETAKAN MATRIKS RISIKO

Kebarangkalian

Skala		1	2	3	4	5
	Impak Kebarangkalian	Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
5	Hampir pasti	5	10	15	20	25
4	Kemungkinan tinggi	4	8	12	16	20
3	Ada kemungkinan	3	6	9	12	15
2	Kemungkinan rendah	2	4	6	8	10
1	Jarang	1	2	3	4	5
Tahap Risiko: ■ Ekstrem ■ Tinggi ■ Sederhana ■ Rendah						

Matriks Kebarangkalian dan Impak Risiko

Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

Kaedah matriks keberangkalian dapat membantu Kementerian memahami profil, tahap dan teknik menangani risiko.

Berdasarkan nilai jangkaan potensi risiko dan Matriks Kebarangkalian dan Impak Risiko di atas, Kementerian hendaklah mengelaskan tahap risiko kepada ekstrem, tinggi, sederhana atau rendah.

Pengkelasan ini penting bagi membantu Kementerian dalam menentukan pihak yang bertanggungjawab dan seterusnya tindakan yang perlu diambil dalam mengurus risiko tersebut mengikut had penerimaan risiko.

HAD PENERIMAAN RISIKO MENGIKUT JANM

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN
Ekstrem	13 – 25	Risiko sangat tinggi. Pelan tindakan terperinci diperlukan.
Tinggi	8 – 12	Risiko tinggi. Diberi perhatian oleh pengurusan atasan Kementerian.
Sederhana	4 – 7	Risiko sederhana. Diurus dan diberikan perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.
Rendah	1 – 3	Risiko rendah. Diuruskan mengikut prosedur sedia ada

Had Penerimaan Risiko

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

Hanya maklumat risiko yang dikelaskan sebagai sederhana, tinggi dan ekstrem sahaja yang akan dikemaskini di dalam Pelan Risiko Kementerian. Pelan tersebut akan memperincikan tindakan yang perlu diambil bagi mengurus risiko tersebut.

Sebagai contoh, penilaian risiko kehilangan wang awam di Pejabat Pemungut menghasilkan jumlah Skala 20 yang dikategorikan sebagai tahap risiko ekstrem. Risiko ini perlu dimasukkan ke dalam Daftar Penilaian Risiko Kementerian dan diambil kira dalam Pelan Risiko Kementerian.

PENERANGAN INDEKS IMPAK RISIKO

Contoh 1

Berdasarkan daftar matriks risiko Kerajaan Persekutuan/ Kementerian yang telah disediakan, risiko ini mempunyai kebarangkalian dan impak yang tinggi kepada aliran masuk tunai Kementerian. Oleh itu, risiko ini berada pada tahap ekstrem dan pelan tindakan terperinci telah disediakan. Berdasarkan penambahbaikan pada nisbah ini, pelan tindakan yang telah dirangka memberi impak positif kepada Kerajaan Persekutuan/ Kementerian dalam peningkatan kutipan amaun penghutang.

Contoh 2

Berdasarkan Perjanjian Jadual Penyelenggaraan (SLA) yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan mengikut tempoh yang dipersetujui seperti setiap tiga bulan, bagi mesin angkut (lift). Risiko ini mempunyai kebarangkalian dan impak yang sangat tinggi kepada aliran keluar tunai Kerajaan Persekutuan/ Kementerian. Oleh itu, risiko ini berada pada tahap ekstrem dan pematuhan kepada jadual pelan oleh Kerajaan Persekutuan/ Kementerian adalah sangat penting.


Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

DAFTAR PENILAIAN RISIKO KEMENTERIAN

BIL.	KATEGORI RISIKO	INSIDEN	SEBAB	AKIBAT	CEGAH/ MITIGASI	KEBERANGKALIAN	IMPAK	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO (WARNA)	STRATEGI KAWALAN
1	Kewangan	Peningkatan nilai penghutang yang mempunyai usia melebihi 3 bulan.	1. Tiada pemantauan secara sistematik. 2. Tiada kemahiran dalam melaksanakan proses kutipan amaun penghutang. 3. Kelemahan dalam prosedur kutipan amaun penghutang.	1. Mengurangkan aliran masuk tunai. 2. Potensi kehilangan hasil. 3. Pegawai tidak cekap dalam menguruskan kutipan amaun penghutang.	1. Pemantauan berkala. 2. Latihan untuk meningkatkan kompetensi pegawai. 3. Prosedur kutipan amaun penghutang ditambah baik.	4	4	16	E	Cegah atau Mitigasi
2	Kewangan	Kutipan hasil kurang berbanding sasaran.	1. Kelemahan dalam penguatkuasaan kutipan hasil. 2. Perubahan kadar anggaran berbanding kadar sebenar akibat daripada prestasi ekonomi negara dan dunia. 2. Kesilapan dalam kelas akaun.	1. Menjejaskan aliran masuk tunai bagi membiayai aktiviti operasi. 2. Imej kurang bagi bagi prestasi Kerajaan dalam menguruskan ekonomi. 3. Kebolehppercayaan maklumat penyata kewangan dipertikaikan.	1. Menambah baik sistem dan peralatan ICT bagi kutipan hasil. 2. Menambah baik kaedah/ asas pengiraan anggaran hasil. 3. Meningkatkan kompetensi pegawai dalam mengakaunkan hasil.	4	4	16	E	Cegah atau Mitigasi
3	Operasi	Kerosakan mesin angkut (<i>lift</i>).	1. Peruntukan penyelenggaraan tidak mencukupi. 2. Kelemahan dalam memantau aktiviti penyelenggaraan. 3. Pengesahan kerja tidak berpandukan <i>deliverable</i> Perjanjian Jadual Penyelenggaraan.	1. Menjejaskan kualiti perkhidmtan. 2. Pelanggan tidak berpuas hati. 3. Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan/ kematian.	1. Pematuhan jadual penyelenggaraan seperti di Perjanjian Jadual Penyelenggaraan. 2. Peruntukan penyelenggaraan disediakan.	5	4	20	E	Cegah atau Mitigasi

Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO



Adaptasi daripada CIMA Risk Management (CIMA Publishing, 2002)

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO

Penerimaan

Sekiranya impak dan kebarangkalian sesuatu risiko itu berlaku adalah rendah, Kementerian boleh memilih untuk menerima sesuatu risiko. Usaha untuk mengurangkan risiko tersebut pada kebiasaannya agak sukar dan melibatkan kos yang tinggi. Kementerian boleh memutuskan untuk menerima risiko dan menangani akibatnya.

Contoh: Kebarangkalian dan impak kemalangan yang melibatkan kenderaan Jabatan adalah rendah. Oleh itu, Kementerian memilih untuk tidak memindah atau mengurangkan risiko melalui pembelian insurans kenderaan. Sebaliknya, risiko ini ditangani dengan memberi peringatan kepada pemandu yang dilantik membawa kenderaan milik Kerajaan untuk mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pengurangan

Sekiranya impak risiko itu berlaku adalah rendah manakala kebarangkaliannya adalah tinggi, Kementerian boleh memilih untuk mengurangkan kebarangkalian risiko berlaku dengan menghadkan pendedahan kepada risiko atau mempertingkatkan kawalan dalaman.

Contoh: Mengurangkan risiko kehilangan peralatan pejabat yang bernilai tinggi boleh dengan memasang kamera keselamatan di lokasi yang bersesuaian.

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO

Pemindahan

Sekiranya impak sesuatu risiko adalah tinggi tetapi kebarangkalian ianya berlaku adalah rendah, Kementerian boleh memindahkan risiko itu sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada pihak ketiga. Pemindahan risiko boleh dibuat melalui pembelian insurans perlindungan, perjanjian perkongsian dan penyumbangan luar.

Contoh: Risiko kerugian aset akibat kebakaran boleh dipindahkan dengan membeli insurans perlindungan bagi aset tersebut.

Pengelakan

Sekiranya impak dan kebarangkalian sesuatu risiko adalah tinggi, Kementerian perlu memberikan perhatian segera untuk mengelak daripada risiko tersebut berlaku. Kementerian boleh memilih untuk tidak meneruskan sesuatu program sekiranya tiada penyelesaian alternatif.

Contoh: Perancangan projek pembangunan fasiliti yang berskala besar. Berdasarkan penilaian terkini, perunding mendapati bahawa pembangunan fasiliti berkenaan akan meningkatkan pencemaran dan terdapat bantahan daripada penduduk setempat. Ia mungkin akan menyebabkan pelbagai masalah alam sekitar seperti hakisan tanah dan pencemaran sungai, dan kerugian kepada industri pelancongan. Bagi menangannya, Kementerian boleh memilih untuk tidak meneruskan pembangunan fasiliti berkenaan.

**60 MIN:
SEDIAKAN ANALISIS PENGURUSAN
RISIKO**

PEMBENTANGAN KUMPULAN ANALISIS PENILAIAN RISIKO

REHAT TENGAH HARI

LANGKAH KEENAM: MEMBUAT RUMUSAN KESELURUHAN

Membuat Kesimpulan

Membuat Cadangan Strategik

Membuat Unjuran Masa Hadapan

CONTOH MEMBUAT RUMUSAN KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan

Kenalpasti punca

Cadangan
Penambahbaikan

Secara keseluruhannya, **prestasi** kos penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli adalah kurang memuaskan kerana terdapat peningkatan kos bagi tahun 2020. Berdasarkan trend perbelanjaan tahun sebelumnya, kos perbelanjaan penyelenggaraan yang sedikit menunjukkan Kementerian tidak membuat penyelenggaraan mengikut jadual yang sepatutnya. Oleh yang demikian, Kementerian terpaksa menanggung kos yang tinggi pada tahun semasa. **Kementerian disaran agar** mematuhi jadual penyelenggaraan aset dan syor yang dikemukakan oleh JKR ataupun bahagian Teknikal Kementerian bagi memastikan aset sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan beroperasi dengan sempurna.

Sumber: Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)

LANGKAH KETUJUH: MENYEDIAKAN LAPORAN



Ringkasan Kandungan Laporan

Sumber: *Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 (JANM, 2021)*

**60 MIN:
SEDIAKAN RUMUSAN
KESELURUHAN DAN LAPORAN**

PEMBENTANGAN KUMPULAN LAPORAN



TERIMA KASIH

Adakah matlamat yang kita tetapkan telah tercapai?